# Kerajaan Negeri kena prihatin

## *Ahli Parlimen mahu kelemahan pantau projek kunci air diteliti*

**SABAK BERNAM** - Kerajaan Negeri digesa membuat penelitian terperinci terhadap Projek Pembinaan Kunci Air di Bagan Nakhoda Omar yang didakwa menjadi punca kepada limpahan air di kawasan penempatan dan kebun, di sini berlaku.

Ahli Parlimen Sabak Bernam, Datuk Abd Rahman Bakri berkata, Kerajaan Negeri perlu bertanggungjawab terhadap insiden banjir di sekitar Bagan Nakhoda Omar apabila ia dikaitkan dengan projek pembinaan kunci air yang dilaksanakan kontraktor dilantik.

"Sepatutnya, apabila sudah tahu musim tengkujuh berlaku pada hujung tahun, projek pembinaan ini tidak dijalankan dalam waktu yang begitu hampir.



ir hujan tidak mengalir ke lau

*duduk dakwa projek pembinaan kunci air punca banjir sekitar BNO*

ngambil inisiatif membuat batas kecil untuk mengelakkan air terus memasuki kebunnya.

NAKHODA OMAR –

ambil masa lama seperti sekarang dan mencecah sehingga paras satu kaki.

Sementara itu, penduduk, Muslim Marimun, 50, berkata, projek 'pembinaan perlu ditunda...

an pisang berangan yang sudah hampir berbuah mulai dinaiki air, manakala 16 hektar lagi pisang abu turut menerima nasib sama.

"Saya letakkan tiga pam di sekitar tanaman pisang berangan untuk mengepam air keluar ke parit tetapi ke tiga-tiga pam itu tidak dapat berfungsi kerana parit ditenggelami air. Lihat sahajalah, daun mula menguning dan kita risau tanaman tidak dapat diselamatkan jika keadaannya berterusan

"Sekarang saya hanya boleh membuat batas kecil di sekeliling kebun sebagai usaha untuk mengelakkan air terus memasuki kawasan kebun demi menyelamatkan tanaman terutamanya pisang berangan," katanya.

**Jejas aktiviti harian penduduk kampung**

"JIKA hujan lagi malam ini, pasti air ...

(JPS) mesti membantu ... segera masalah ini, kerana ... sahaja akan mula ... mah penduduk malah ... bantutkan kerja pendu... yang kebanyakannya ... kerja kampung seperti ...

"Kalau sudah banjir, kita sudah tidak boleh ... dangkan pendapatan ... penduduk adalah ... kerja kampung dan ... kita pergi ke kebun pun ... dapat melihat sahaja ... pat melakukan apa-apa...

**JPS digesa ambil tindakan drastik**

PENDUDUK sekitar ... rayu Jabatan Pengair... mengambil tindaka... mengatasi masalah ...

Mereka merayu ... timbangkan untuk ...

**Keratan akhbar 15 November lepas menyiarkan dilema penduduk Bagan Nakhoda Omar yang berdepan musibah banjir.**

"Projek pembinaan ini sewajarnya dipercepatkan dan disiapkan sebelum musim tengkujuh atau dilewatkan sehingga musim tengkujuh berhenti supaya tidak timbul masalah kepada rakyat," katanya kepada *Sinar Harian.*

Beliau berkata, gara-gara projek pembinaan dilaksanakan itu, kunci air sedia ada ditutup menyebabkan air hujan tidak dapat dialirkan ke laut.

Keadaan itu mengakibatkan berlakunya limpahan air ke kawasan kebun dan penempatan penduduk berhampiran.

"Kita mahu Kerajaan Negeri bersama Jabatan Pengaliran dan Saliran (JPS) memantau projek ini, kelewatan disiapkan menyebabkan penduduk menghadapi masalah, hasil pertanian rosak malah beberapa laluan juga rosak," katanya.

> **"Sepatutnya apabila sudah tahu musim tengkujuh berlaku hujung tahun, projek pembinaan ini tidak dijalankan dalam waktu hampir."**
>
> **Abd Rahman**



Bagaimanapun Abd Rahman berkata, buat masa ini, pihaknya akan sentiasa melihat perkembangan itu dari masa ke semasa termasuk memperkukuh kerjasama dengan JPS, Jabatan Pertanian, Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN) untuk tindakan sewajarnya.

Jelasnya, permohonan penambahan bekalan pam daripada tiga kepada lima sudah diutarakan kepada JPS.

"Biarpun kaedah itu tidak dapat menyelesaikan masalah, sekurang-kurangnya ia dapat mengurangkan beban yang ditanggung, namun timbul kesulitan apabila JPS menghadapi kekangan bekalan pam tidak mencukupi kerana pada masa sama, mereka perlu membekalkan pam di beberapa lokasi sawah padi yang ditenggelami air," katanya.

Berikutan masalah yang timbul, Abd Rahman berharap, penduduk terlibat dapat bersabar sementara menunggu penyelesaian sewajarnya dilakukan.